



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
BILANGAN : IKLAN 56/7/17**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**AHLI KAJIBUMI (B.2 EB.3)
JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



Senarai semak sebelum memohon jawatan di bawah

Sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang **'Apply'**;



Kad pengenalan dan Lesen Memandu

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	Kad Pengenalan.pdf
	2016	2016	25/8/2016	Lesen Memandu.pdf



SIJIL Degree (Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSCRIPT** yang dikehendaki oleh Skim Iklan dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN KELULUSAN** (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	PHD.pdf
	2016	2016	25/8/2016	MASTER.pdf
	2016	2016	25/8/2016	DEGREE.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HND.pdf
	2016	2016	25/8/2016	HNC.pdf
	2016	2016	25/8/2016	ND.pdf

Hendaklah ada maklumat bidang kelulusan ('field') seperti contoh Business Administration di ruangan yang tersembunyi dengan menekan tanda "+" disebalah kiri diruangan Bachelor of Arts. jika sekiranya belum diisikan maklumat bidang ('field'), sila tekan tanda "+add" dibawah kelulusan tersebut dan seterusnya menaip bidang awda seperti contoh Business Administration, Employment Relation dan sebagainya.



- Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sepertimana kehendak skim dan seterusnya memastikan **SIJIL** Higher National Diploma/Advanced Diploma (Diploma Tertinggi Kebangsaan/Diploma Lanjutan) berserta **KELULUSAN TRANSCRIPT** dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

- Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan "Current Government Employee". Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).

My Profile

Working Experience

Public and Ex-Government Employee +

Current Government Employee -

	Start Date	To Date	Name And Address of Employer	
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	▲
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	■
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	▼



**1. AHLI KAJIBUMI
JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Geologi / Kaji Bumi atau Geofizik yang diiktiraf.
2. Mempunyai pengalaman bekerja dalam operasi dan pemeliharaan sistem pemantauan gempa bumi adalah keutamaan.
3. Mempunyai pengetahuan mengenai *UNIX / LINUX Operating Systems, JAVA* dan *C+ Languages, ORACLE* dan *SQL Database* adalah kelebihan.
4. Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
5. Bersedia menjalankan kerja-kerja luar (*fieldwork*) di kawasan pedalaman pada bila-bila masa.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB AHLI KAJI BUMI:

1. Bertanggungjawab kepada Jurutera Kerja Kanan.
2. Menerima dan melaksanakan arahan-arahan dari pihak atasan.
3. Memproses dan menganalisa maklumat-maklumat seismik harian yang diperolehi dan rangkaian *short-period* dan *broadband* dengan menggunakan *Data Acquisition, Analysis and Management Software* yang terkini, yang menggunakan sistem operasi ke atas kedua-dua model pemproses *SPARC* DAN *INTEL*, yang berasaskan sistem *UNIX* dan *protocol TCP/IP*.
4. Pengurusan dan pengemaskinian pangkalan data seismik setiap hari untuk penyebaran dan pertukaran maklumat seismik.
5. Memantau operasi dan pengurusan rangkaian seismik (gempa bumi) di bawah Jabatan Kerja Raya.



6. Melaksanakan penyelidikan kajian risiko seismik dan menghasilkan peta zon seismik untuk Negara Brunei Darussalam.
7. Pertukaran maklumat seismik dengan pusat kajigempa nasional dan organisasi dari negara-negara lain.
8. Melaksanakan kajian dalam bidang seismologi (MB dan ML *formulation, source attenuation, seismicity map, seismic risk assessment etc*).
9. Melatih pegawai dan kakitangan dalam memproses dan menganalisa maklumat seismik harian.
10. Berperanan sebagai pakar geologi (*resource person*) bagi memberi cadangan dan nasihat teknikal mengenai aktiviti-aktiviti sumber mineral di bawah Jabatan Kerja Raya dan Kementerian Pembangunan (*Exploration Until Establishment*).
11. Melaksanakan kajian dan kerja-kerja penyiasatan awal bagi kawasan yang dikenalpasti sebagai tapak yang berpotensi untuk pembangunan.
12. Berperanan sebagai pakar geologi (*resource person*) bagi memberi cadangan dan nasihat teknikal mengenai perkara-perkara dan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan gempa bumi dan tsunami.
13. Memastikan dan mengawasi penerimaan data ke Pusat Seismik Kebangsaan berterusan dan stabil.
14. Memantau pemprosesan automatik dan menjalankan pemprosesan secara *offline* mengenai kejadian gempa bumi dengan menggunakan perisian perolehan, arkib dan pemprosesan data seismik yang sedia ada.
15. Memeriksa dan mengekalkan *State of Health (SOH)* harian sistem pemantauan gempa bumi yang sedia ada.
16. Membuat lawatan pemeriksaan berkala ke stesen-stesen seismik terletak di kawasan berbukit dan pedalaman pada bila-bila masa dan seterusnya menyediakan laporan berkenaan.
17. Bekerjasama dengan *Geotechnical Engineers* bagi mengendalikan kes-kes tanah susur dan TPOR.